

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan alasan untuk pembukaan semula dasar penggantian pekerja asing melalui Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo-COM*) dan syarat-syarat utama serta mekanisme majikan dapat penggantian pekerja asing dan pendirian terhadap cadangan perubahan dan reform oleh MTUC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada 29 Mei 2019 telah bersetuju dengan pembukaan semula dasar penggantian pekerja asing melalui *Check Out Memo (COM)*. Pembukaan semula dasar ini akan membolehkan majikan mendapat gantian pekerja asing yang telah pulang ke negara asal tanpa perlu melalui proses permohonan pekerja asing yang baharu.
2. Alasan pembukaan semula dasar ini adalah mengambil kira faktor-faktor kepentingan dan daya saing industri dalam memastikan operasi perniagaan berjalan lancar dan pencapaian eksport negara

SOALAN NO : 21

tidak terjejas akibat kekurangan tenaga kerja. Selain itu, dasar ini juga akan membantu mengurangkan beban pihak industri dari segi masa dalam membuat permohonan pekerja asing serta menjimatkan kos dalam membawa masuk pekerja asing baharu. Pendekatan ini tidak akan melibatkan pertambahan pekerja asing sedia ada sebaliknya mengekalkan jumlah pekerja asing yang telah diluluskan kepada majikan sebelum ini.

3. Berhubung dengan syarat-syarat pelaksanaan dasar ini, Kerajaan melalui Kementerian-kementerian berkaitan sedang membangunkan mekanisme berkaitan dan akan diwar-warkan kepada pihak industri sejurus selepas dimuktamadkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kelulusan penggantian pekerja asing melalui dasar ini akan tetap mengambil kira keperluan sebenar majikan. Kerajaan juga menjangkakan pelaksanaan dasar ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2019.

4. Berkenaan dengan cadangan perubahan dan *reform* oleh MTUC, Kerajaan sentiasa menghargai pandangan pihak-pihak berkepentingan dan sentiasa akan dipertimbangkan dalam membangunkan mekanisme pengurusan pekerja asing supaya lebih sistematik dan berintegriti.